

04/06/2002

Indonesia sokong Malaysia tuan rumah Sekretariat Asean + 3

Azhar Abu Samah

JAKARTA, Isnin - Indonesia menyatakan kesediaannya menyokong hasrat Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah Sekretariat Asean + 3, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, kata beliau, dalam pertemuannya dengan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri di Istana Merdeka di sini, hari ini, Megawati juga mahu Kuala Lumpur mendapatkan sokongan dan pandangan negara Asean lain.

"Megawati menyatakan beliau menghargai dan memahami pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Jakarta menyokong hasrat Kuala Lumpur itu," katanya kepada pemberita Malaysia selepas mengadakan pertemuan dengan Megawati kira-kira 15 minit.

Sebelum itu, Abdullah mengetuai delegasi Malaysia mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Naib Presiden Indonesia, Hamzah Haz selama kira-kira 45 minit di Istana Wakil Presiden.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa.

Dalam pertemuan dengan Hamzah katanya, Naib Presiden itu juga menyatakan sokongannya kepada usaha Kuala Lumpur itu jika Presiden sudah menyatakan pendiriannya.

Penubuhan Sekretariat Asean + 3 di Kuala Lumpur dilihat menjadi asas kepada usaha Malaysia yang memperjuangkan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sejak 1990.

Usaha menghidupkan semula EAEC kembali segar apabila cadangan mengenainya dibangkitkan semula pada Sidang Kemuncak Asean di Brunei tahun lalu, selain Jepun yang menyatakan kesediaannya menyokong Malaysia mengenai penubuhan EAEC dalam pertemuan Dr Mahathir dengan pemimpin negara itu di Tokyo, baru-baru ini.

Abdullah juga berkata, Megawati turut mengalu-alukan Malaysia sebagai tuan rumah Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) tahun depan, sekali gus Dr Mahathir menjadi Pengerusi NAM yang dilihatnya boleh memberi sumbangan besar kepada pergerakan itu.

Beliau berkata, pemimpin Indonesia itu juga menyatakan negaranya sentiasa memberikan komitmen kukuh kepada NAM bagi kepentingan negara berkecuali dan membangun.

"Megawati juga menyatakan hasratnya untuk bertemu Dr Mahathir dan mempelawa beliau melawat Indonesia," katanya sambil menambah Dr Mahathir dijadual melawat negara berkenaan tahun ini.

Dalam perkembangan lain, Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pendetang Asing berkata, Malaysia akan menimbang cadangan Indonesia yang mahukan negara ini tidak menetapkan syarat kemasukan tenaga kerja Indonesia (TKI) hanya di sektor peladangan dan pembantu rumah.

"Saya memberitahu Megawati akan membawa permintaan Indonesia itu ke Kabinet untuk dibincangkan.

"Pemimpin Indonesia itu juga mahu pekerja Indonesia yang diberhentikan dalam mana-mana sektor pekerjaan di Malaysia diganti dengan pekerja negara itu juga," katanya.

Beliau berkata, Malaysia akan mengkaji semula mekanisme untuk menghantar pulang pekerja Indonesia yang ketika ini disifatkan Indonesia menimbulkan masalah kepada rakyatnya yang dihantar pulang itu.

Katanya, perkara itu akan dibincangkan lebih lanjut dengan Menteri

Kehakiman dan Hak Asasi Manusia Indonesia, Yusril Ihza Mahendra dan  
Menteri Tenaga Kerja Indonesia, Jacob Nuwea, esok.

(END)